

## Mengurus Tingkah Laku Kanak-Kanak Autisme di Peringkat Sekolah Rendah

Hezlie Noorshyam bin Abu Samah

Sekolah Kebangsaan Bukit Beruang, Melaka  
*alie.delarocha@gmail.com*

### ABSTRAK

Tinjauan ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan terbaik bagi mengurus tingkah laku kanak-kanak autisme di peringkat Program Pendidikan Khas Integrasi Pembelajaran (PPKI) sekolah rendah. Tinjauan ini menggunakan kaedah pemerhatian dan perbualan dengan beberapa orang guru PPKI di sekolah rendah. Hasil tinjauan mendapati tahap pengetahuan guru tentang amalan terbaik dalam mengurus tingkah laku kanak-kanak autisme adalah tinggi. Berdasarkan maklumat yang diperolehi juga telah menunjukkan bentuk amalan yang digunakan oleh guru dalam pelaksanaan Pengurusan Tingkah Laku (PTL) kanak-kanak autisme adalah di tahap sederhana. Manakala hasil tinjauan tentang cabaran telah menunjukkan guru berhadapan dengan cabaran daripada pihak sekolah untuk menghadiri kursus dan pengajaran pendidikan khas dalam melaksanakan pengurusan tingkah laku. Secara keseluruhan, hasil keputusan tinjauan menunjukkan tidak terdapat perbezaan pengetahuan, bentuk amalan dan cabaran dalam pengurusan tingkah laku kanak-kanak autisme di antara guru lelaki dan perempuan diperingkat sekolah rendah. Di samping itu, dapatan tinjauan membuktikan bentuk amalan terbaik dalam mengurus tingkah laku terhadap kanak-kanak autisme tidak dipengaruhi oleh jantina atau pengalaman guru mengajar. Hasil tinjauan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang diantara pengetahuan tentang amalan intervensi dengan kaedah Rancangan Pendidikan Individu (RPI) yang digunakan oleh guru dalam pelaksanaan pengurusan tingkah laku kanak-kanak autisme. Implikasi utama tinjauan ini ialah membolehkan semua pihak yang terlibat dalam mengurus tingkah laku seperti ibu bapa, guru, sekolah dan Sektor Pendidikan Khas dapat mengesani kekurangan dan halangan dalam pelaksanaan program pengurusan tingkah laku seterusnya mendapatkan kaedah atau cara amalan terbaik yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang.

**Kata kunci :** Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Pengurusan Tingkah Laku (PTL) Rancangan Pendidikan Individu (RPI)

---

## Pengenalan Amalan Terbaik

Pendidikan Khas boleh dimaksudkan sebagai kaedah-kaedah yang dibentuk khusus untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang mengalami pelbagai kecacatan / kurang upaya. Pendidikan Khas juga merangkumi aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran, latihan jasmani dan juga pendidikan yang berteraskan rumah, hospital dan institusi. Kurikulum untuk pendidikan khas ini juga sebahagian daripada kurikulum biasa yang telah diubah suai dengan tujuan memenuhi keperluan-keperluan khas bagi murid-murid yang mengalami pelbagai jenis kecacatan / kurang upaya itu.

Tidak semua kanak-kanak dilahirkan sempurna, terdapat juga kanak-kanak istimewa. Kanak-kanak ini tidak boleh dipinggirkan begitu sahaja, malahan mereka juga wajar diberi pendidikan. Walau bagaimanapun disebakan ciri-ciri istimewa mereka ini, maka pendidikan yang diberi kepada mereka agak berbeza yang mana ianya disebut sebagai Pendidikan Khas.

Dalam Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, guru sering berhadapan dengan pelbagai masalah yang berhubung kait dengan tingkah laku kanak-kanak terutama kepada murid yang mengalami masalah autisme. Dalam hal ini, guru haruslah merancang intervensi bagi mengubah tingkah laku murid yang dikehendaki.

Pengurusan tingkah laku bermasalah pembelajaran terutama kepada murid yang mengalami masalah autisme adalah sebahagian daripada aspek yang penting dan harus dipertanggungjawabkan oleh seseorang guru terutama guru yang berhadapan dengan murid berkeperluan khas dengan pelbagai bentuk tingkah laku yang mencabar. Dalam mengurus tingkah laku ini, pengubahsuaiannya merupakan suatu usaha untuk menerapkan prinsip-prinsip pembelajaran dan prinsip-prinsip psikologi yang lain yang diperolehi melalui eksperimen ke atas tingkah laku bermasalah.

Pengurusan tingkah laku juga adalah tindakan yang dilakukan oleh guru dan ibu bapa untuk membentuk perlakuan luaran dan dalaman yang disedari bagi individu atau kumpulan supaya kanak-kanak mempunyai tingkah laku yang bermanfaat, produkif dan diterima oleh masyarakat. Tujuan utama pengurusan tingkah laku adalah untuk mendisiplinkan diri ke arah pengawalan diri dalam keadaan yang berkaitan dengan peribadi individu tersebut.

Modifikasi tingkah laku juga sering merujuk kepada perubahan tingkah laku yang boleh diukur dan diperhatikan. Tujuan modifikasi tingkah laku yang akan dilaksanakan itu adalah untuk menjadikan perubahan tingkah laku yang positif. Seperti yang diketahui sesuatu tingkah laku itu berlaku dalam bentuk urutan aturan yang tetap. Kaedah-kaedah modifikasi tingkah laku akan mengambil kira definisi tingkah laku-tingkah laku yang ingin diubah, membuat perhatian terhadap yang sedia ada dan yang akan dibentuk, membina set alat ukur untuk mengukur

perubahan tingkah laku dan akhirnya merekabentuk program intervensi. (Shahabuddin & Rohizani, 2003).

Jika modifikasi yang dilakukan dapat dilaksanakan secara positif, ia memberikan salah satu cara berkesan yang dapat memberi semangat kepada guru untuk meneruskan modifikasi tersebut di dalam setiap kes yang dihadapi. Oleh itu penggunaan pendekatan dari model-model modifikasi yang efektif akan dapat memberi faedah kepada pelajar dan guru. Dengan ini secara tidak langsung proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan baik dan mencapai objektifnya.

### **Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik**

Tujuan tinjauan dan pemerhatian ini dijalankan adalah untuk melihat cara bagaimana guru mengurus pengurusan tingkah laku kanak-kanak autisme di peringkat sekolah rendah. Tinjauan ini juga melihat tahap pengetahuan dan amalan guru di dalam mengurus tingkah laku murid pendidikan khas secara menyeluruh dan sejauh mana perkhidmatan serta penglibatan luar terhadap perlaksanaan intervensi untuk kanak-kanak autisme dalam pengurusan tingkah laku. Di samping itu, tinjauan ini juga untuk mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam kaedah perlaksanaan pengurusan tingkah laku kepada kanak-kanak autisme serta keberkesanan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) yang dijalankan pada murid tersebut.

### **Objektif Pelaksanaan**

Menerusi kaedah dan strategi pengurusan tingkah laku yang berkesan, ianya akan dapat membantu guru menguruskan kepelbagaiannya tingkah laku murid-murid program pendidikan khas di sekolah rendah yang mengalami autistik. Sehubungan dengan itu, pemerhatian ini dijalankan berdasarkan objektif berikut:


- i. Mengenal pasti masalah tingkah laku kanak-kanak bermasalah pembelajaran autisme.
- ii. Mengenal pasti bentuk amalan intervensi yang digunakan oleh guru dalam perlaksanaan pengurusan tingkah laku kanak-kanak autisme.
- iii. Mengenal pasti cabaran guru dalam melaksanakan pengurusan tingkah laku kepada kanak-kanak autisme termasuk penggunaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

### **Amalan Terbaik yang Dilaksanakan**

Pengurusan tingkah laku merupakan bahagian penting dalam proses mengubahsuai tingkah laku. Dalam pendidikan khas guru tidak dapat lari daripada

melaksanakan pengurusan tingkah laku kepada murid-murid bermasalah pembelajaran terutama kanak-kanak yang mengalami masalah autisme.

**Rajah 1.1**  
*Model Penilaian CIPP Stufflebeam (1983)*



Berdasarkan pendekatan model penilaian sistematis CIPP (Context, Input, Process and Product) oleh Stufflebeam (1983) atau dikenali sebagai penilaian berorientasikan penambahbaikan Stufflebeam @ Stufflebeam's Improvement – Oriented Evaluation (lihat rajah 1.1). Peranan utama penilaian adalah untuk membekalkan maklumat yang membolehkan sesuatu program yang dijalankan itu diperbaiki dan disempurnakan. Tinjauan dan pemerhatian ini diadaptasi serta diubahsuai berdasarkan pengisian-pengisian yang dicadangkan oleh Stufflebeam seperti berikut:

- a. Penilaian konteks adalah berkaitan dengan pengetahuan guru tentang kaedah mengurus tingkah laku kanak-kanak autisme berhubung dengan kurikulum dan jenis tingkah laku.
- b. Penilaian input adalah berkaitan dengan bentuk kaedah yang digunakan oleh guru dalam perlaksanaan pengurusan tingkah laku kanak-kanak autisme berhubung dengan strategi perlaksanaan peneguhan positif dan peneguhan negatif.

- c. Penilaian proses adalah berkaitan dengan cabaran guru dalam melaksanakan pengurusan tingkah laku kepada kanak-kanak autism berhubung cabaran dengan sekolah, penyelaras/guru, pelajar dan pihak pentadbir.

Penulis berpendapat bahawa teori tingkah laku atau dikenali sebagai teori behaviorisme adalah bersesuaian dengan objektif yang dilakukan oleh pemerhati. Teori tingkah laku ini amat berguna untuk membentuk soalan-soalan yang tepat untuk mengkaji tingkah laku manusia.

Teori ini menumpukan perhatian kepada faktor persekitaran sebagai faktor yang mempengaruhi tingkah laku. Dengan menggunakan konsep pelaziman operan Skinner, Jus Laile Suzana (1996) menyatakan kecenderungan sesuatu tingkah laku boleh dilihat dan dianalisa dengan melihat gerak balas individu. Gerak balas tersebut bergantung kepada peneguhan atau dendaan.


Teori pembelajaran operan juga telah menjelaskan pembelajaran yang berlaku mengikut prinsip persekitaran yang spesifik antara rangsangan dan gerak balas. Ini bermaksud gerak balas dan tingkah laku manusia dikaitkan dengan rangsangan (Muhd. Mansur & Siti Nordinar, 1988).

Menurut Skinner, penerimaan peneguhan atau dendaan adalah berbeza bagi setiap individu. Skinner percaya bahawa sesuatu tingkah laku tertentu boleh berlaku atau tingkah laku itu akan hilang adalah bergantung kepada akibat atau kesan tingkah laku tersebut iaitu sama ada positif atau negatif (Carpenter, 1996). Ini bermakna sesuatu tingkah laku yang ditunjukkan adalah untuk mendapatkan ganjaran daripada tingkah laku tersebut atau sebaliknya menggelakkan daripada hukuman. (Lihat rajah 1.2).

## Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

**Rajah 1.2**

*Model Pelaziman Operan Skinner  
Sumber: Ma'rof & Haslinda (2003)*



**Jadual 1.1****Contoh Rancangan Pendidikan Individu (RPI) untuk Pengurusan Tingkah Laku**

| RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU<br>KOMPONEN: DOMAIN TINGKAH LAKU (BAHASA MELAYU)     |  |  |  |
|--|--|--|--|
| Nama Murid   | SYEIKH AHMED AL IMAN BIN MUHAMMAD ARRIF  | Tarikh Lahir   | 02 MAC 2012  |
| Tarikh Mula  | 05 April 2021  | Tarikh Tamat/Semak   | 16 Julai 2021  |
| Kesahanian Pengetahuan   | 1. Murid ini boleh memahami arahan mudah.<br>2. Mengenali kela dan tempat untuk belajar.   |  |  |
| Sedih Ada  | 1. Murid ini diharapkan dapat mendengar dan bergerak balas terhadap pelbagai bunyi serta mematuhi arahan yang diterima melalui lisan.  |  |  |
| Melamati Jangka Panjang  | 2. Mengawal tingkah laku serta emosi secara maksima dengan bimbingan yang minimum.   |  |  |
| Kekuatan Minat   | 1. Murid mengikut arahan mudah serta memahami ucapan yang ditungkapkan oleh guru dan rakan-rakan.  |  |  |
| Kelemahan/Masalah  | 1. Murid ini mudah hilang fokus pada sesuatu yang kurang diminati.<br>2. Belum boleh menguasai sebutan & bunyi huruf abjad.<br>3. Belum boleh melakukan sesuatu tugasan apabila diminta oleh guru.<br>4. Memerlukan bantuan dan bimbingan sepenuhnya apabila ingin melakukan sesuatu perkara.  |  |  |
| STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN   |  |  |  |
| Objektif Jangka Pendek   | Pendekatan (Isi Pelajaran / Kaedah / Teknik)   | Aktiviti   | Penilaian  |
| 1. Kemahiran Mendengar<br>2. Kemahiran mengalok bunyi<br>3. Mendengar arahan mudah | <p>1.1.1 Mendengar dan bergerakbalas terhadap suara manusia</p> <p>1.1.2 Mendengar dan bergerakbalas terhadap bunyi haiwan</p> <p>1.1.3 Mendengar dan bergerakbalas terhadap bunyi kenderaan/benda</p> <p>1.1.4 Mendengar dan bergerakbalas terhadap bunyi alam semula jadi</p> <p>1.1.1 Beratur mengikut siliran</p> <p>1.2.1 Mendengar arahan lisan yang diberi</p> <p>1.2.2 Melaksanakan arahan yang diberi</p>  | <p>1. Nyanyian lagu / tayangan video pembelajaran.</p> <p>2. Murid mendengar pelbagai bunyian sekeling.</p> <p>3. Mengajuk bunyian yang didengari.</p> <p>4. Pembelajaran di luar bilik darjah iaitu membawa murid melawat sekitar kawasan sekolah dengan memberi penerangan dan kefahaman setakat mana yang murid boleh menemui.</p> <p>5. Latihan menyebut secara lisan dan penggunaan alatan manipulatif</p> <p>Centoh:<br/><b>Bunyian haiwan, kenderaan dll</b></p> <p>1. Latih tubi, bimbingan penuh.<br/>2. Pemerhatian.</p> | <p>1. Latihan buku tulis dengan bimbingan pemah.</p> <p>2. Mengajuk bunyian yang didengari.</p> <p>3. Menunjukkan gambar dan membuat padanan.</p> <p>4. Mendengar arahan yang diberikan. (pemerhatian berjadual)</p>  |
|  |  |  | <p>- Bunyian Smartphone, alam semula jadi dll</p> <p>- Model huruf</p> <p>- Kad huruf</p> <p>- Kad gambar</p> <p>- Kad suku kata</p> <p>- Kad perkataan</p> <p>- VCD / komputer / internet</p>   |

**Jadual 1.2****Contoh Rekod Perlaksanaan Aktiviti PTL**

| REKOD PERLAKSANAAN AKTIVITI           |   |         |                |         |
|---------------------------------------|---|---------|----------------|---------|
| Borang Senarai Semak Analisis Tugasan |   |         |                |         |
| Bidang                                | : Pengurusan Tingkah Laku   |         |                |         |
| Subjek                                | : Disiplin Diri & Kemahiran Sosial  |         |                |         |
| Topik                                 | : Sentiasa mengikut peraturan di mana sahaja.                                       |         |                |         |
| Nota tambahan:                        | DBG: Dengan Bantuan Guru<br>SBG: Sebahagian Bantuan Guru<br>TBG: Tanpa Bantuan Guru |         |                |         |
| Murid yang terlibat:                  | Muhs Raiyan, Syeikh Al-Iman, Muhs Afuw Aisy, Muhs Firdaus                           |         |                |         |
| Kelas                                 | : PPKI Wira   |         |                |         |
| Dapatkan :                            | Penilaian awal 50% dan mencapai 70% penguasaan murid                                |         |                |         |
| NO                                    |   | PERKARA | TARIKH SEMAKAN |         |
|                                       |   |         | DBG            | SBG     |
| 01                                    |   | DBG     | SBG            | TBG     |
| 02                                    |   |         |                |         |
| 03                                    |   |         |                |         |
| 04                                    |   |         |                |         |
| 05                                    |   |         |                |         |
| 06                                    |   |         |                |         |
| 07                                    |   |         |                |         |
| 08                                    |   |         |                |         |
| 09                                    |   |         |                |         |
|                                       |   |         |                | CATATAN |

Kesimpulannya, penulis berpendapat model CIPP, RPI, Perekodan PTL yang dibina adalah sesuai dalam mengurus tingkah laku sebagai asas pemerhatian dan tinjauan ini kerana ia mengambarkan bagaimana penilaian boleh menyumbang kepada proses membuat keputusan atau inovasi dalam kaedah mengurus tingkah laku kanak-kanak autisme di peringkat awal sekolah rendah.

Pengurusan tingkah laku adalah sangat penting dalam proses pembentukan tingkah laku yang sesuai bagi murid pendidikan khas terutama murid yang mengalami masalah autisme semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah maupun di luar bilik darjah. Kajian ini perlu dijalankan untuk mengetahui sejauh manakah tahap pengetahuan guru dalam perlaksanaan pengurusan tingkah laku kanak-kanak autisme dan mengubah tingkah laku negatif kepada tingkah laku positif. Guru juga akan dapat dibantu dengan cadangan kaedah untuk menguruskan tingkah laku yang sesuai mengikut keupayaan kanak-kanak autisme yang mempunyai pelbagai masalah yang dihadapi.

Tinjauan dan pemerhatian ini juga diharapkan mendapat maklumat-maklumat yang berkaitan dengan bentuk kaedah yang digunakan oleh guru dalam menguruskan tingkah laku murid di peringkat sekolah rendah. Dalam pendidikan khas khususnya yang melibatkan murid-murid bermasalah pembelajaran, strategi pelaksanaan pengurusan tingkah laku perlulah diberi perhatian. Ianya penting supaya dapat membantu guru mengenalpasti dengan tepat tingkah laku yang patut diubahsuai. Di samping itu juga ia dapat membantu guru memilih intervensi serta melaksanakan intervensi yang sesuai untuk mengubahsuai tingkah laku sasaran murid dengan lebih berkesan.

Kepentingan penulisan ini seterusnya pula ialah untuk mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam kaedah perlaksanaan pengurusan tingkah laku kanak-kanak autisme yang mengalami masalah berat seperti tingkah laku negatif. Dalam beberapa keadaan, guru itu sendiri dianggap menjadi penyebab kepada kelakuan tidak baik murid. Ini kerana guru adalah golongan yang hampir dengan murid selepas ibu bapa. Oleh sebab itu, sebagai guru pendidikan khas guru perlu seharusnya bersikap positif supaya lebih bersedia berhadapan dengan kesukaran dan cabaran untuk membentuk tingkah laku murid yang diingini (Abdullah Sani, 2005).

## Rumusan dan Cadangan

Guru-guru khas yang memilih bidang pendidikan khas masalah pembelajaran harus melengkapkan diri dengan strategi-strategi untuk membantu kanak-kanak autisme ini dengan mengatasi masalah tingkah laku yang negatif. Dengan adanya pengetahuan tentang kemahiran pengurusan tingkah laku serta mengaplikasikannya dengan berkesan ianya dapat memanfaatkan pelajar-pelajar khas bukan sahaja memperbaiki tingkah laku malah pencapaian akademik akan meningkat serta membina keyakinan diri kanak-kanak autistik. Diharapkan dengan

kajian ini dapat menjadi penyumbang kepada kajian-kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji-pengkaji akan datang dan menjadi sumber rujukan ilmia pada mereka-mereka yang berhadapan dengan kanak-kanak autistik

## Rujukan

Abdullah Sani Yahaya. 2005. *Mengurus disiplin pelajar.* Pahang : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Ahmad Johari Sihes *TEORI PEMBELAJARAN*  
[eprints.utm.my/10358/1/bab11.pdf](http://eprints.utm.my/10358/1/bab11.pdf) Translate this page by AJ Sihes - 2008

Garry L. Martin (Author), Joseph Pear (Author) *Behavior Modification: What It Is and How To Do It (9th Edition)* Paperback – June 20, 2010

Jurbergs, Nichole; Palcic, Jennette; Kelley, Mary Lou *School-home notes with and without response cost: Increasing attention and academic performance in low-income children with attention-deficit/hyperactivity disorder.* School Psychology Quarterly, Vol 22(3), Sep 2007, 358-379

Jabatan Pendidikan Khas. 2007. Modul 1 amalan dan prinsip pendidikan khas bermasalah pembelajaran. <http://www.scribd.com/doc/47834554/MODUL-1-Pengenalan-Pendidikan-Khas>

Klimas, A. & Mc Laughlin, T.F. 2007. The effect of a token economy system to improve social and academic behavior with a rural primary aged child with disabilities. *International Journal of Special Education.* Vol 22 (3): 72 - 77

Kong Lee Nyuk. *Pengaruh umur, bangsa dan pencapaian akademik terhadap masalah disiplin pelajar bermasalah pembelajaran di sekolah menengah.* Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon. 2008. *Pengenalan kepada analisis statistik dalam penyelidikan sains sosial.* Siri 2. Selangor: Venton Publishing (M) Sdn.

Mok Soon Sang. 2010. *Penyelidikan dalam pendidikan untuk perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tindakan.* Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Sandra, F. Rief. 2007. *Bagaimana mendekati dan mendidik kanak-kanak ADD/ADHD.* Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.